

0222

B B920 AAB
PEMBUBARAN R'R'R'
(I)

KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGUMUMKAN PEMBUBARAN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI, KECUALI DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH DAN SARAWAK, BERKUATKUASA ESOK BAGI MEMBOLEHKAN PILIHAN RAYA UMUM YANG KETUJUH DIADAKAN.

BELIAU MENGUMUMKAN DEMIKIAN SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI.

SEBANYAK 177 KERUSI PARLIMEN DAN 351 KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI AKAN DIPERTANDINGKAN PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI.

DENGAN PEMBUBARAN PARLIMEN, SURUHANJAYA PILIHAN RAYA KINI PERLU MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BERIKUT:

+ MENGELUARKAN WRIT KEPADA PENGURUS PILIHAN RAYA DI SETIAP KAWASAN= DAN

+ SETELAH MENGELUARKAN WRIT, MENERBITKAN NOTIS DALAM WARTA DAN SEBUAH ATAU LEBIH AKHBAR HARIAN TEMPATAN MENYATAKAN TARIKH PENAMAAN CALON DAN TARIKH ATAU TARIKH-TARIKH PENGUNDIAN. -- LAGI.

1743MST 18 07 86

0223

B B923 AAB
PEMBUBARAN 2 KUALA LUMPUR R'R'R'
(I).

MENURUT PERATURAN (PERJALANAN PILIHANRAYA) PILIHANRAYA YANG DIPINDA BARU-BARU INI, HARI PENAMAAN CALON TIDAK BOLEH KURANG DARIPADA EMPAT HARI SELEPAS TARIKH PENERBITAN NOTIS SEUMPAMA ITU.

PENGUNDIAN AKAN DIADAKAN TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI SELEPAS PENAMAAN CALON. -- BERNAMA.

1744MST 18 07 86